

NO SOALAN :25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28.03.2018

Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kebenaran atau sebaliknya cerita yang sering dilemparkan di laman web dan media sosial bahawa negara Malaysia sedang menuju kepada negara muflis.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ekonomi Malaysia telah mencatat pertumbuhan yang sangat memberangsangkan dengan mencatat pertumbuhan 5.9% melepasi sasaran awal iaitu antara 5.2% hingga 5.7% pada 2017. Pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta serta disokong permintaan luar negeri yang lebih baik. Penggunaan swasta berkembang sebanyak 7% manakala pelaburan swasta mencatat pertumbuhan yang mapan sebanyak 9.3%. Eksport benar meningkat dengan kukuh sebanyak 9.6%. Import benar juga mencatat pertumbuhan sebanyak 11% berikutan peningkatan dalam import barangan modal dan pengantara yang tinggi. Sementara itu, Malaysia terus menerima aliran masuk pelaburan langsung asing

(FDI) bersih sebanyak RM39.2 bilion pada 2017, manakala rizab antarabangsa mencatat RM406.5 bilion (USD103.7 bilion) pada 28 Februari 2018, memadai untuk membiayai 7.2 bulan import tertanggung dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

2. Negara tidak berada di ambang mufliis seperti tuduhan yang sering dilemparkan di laman web dan media sosial. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pula terus kekal kukuh di mana defisit fiskal tahunan telah berkurang sebanyak 3.7 mata peratusan berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) iaitu daripada 6.7% berbanding KDNK pada tahun 2009 kepada 3.0% pada tahun 2017. Bagi tahun 2018 pula, Kerajaan mensasarkan paras defisit terus berkurang kepada 2.8% daripada KDNK. Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah pembaharuan fiskal (*fiscal reform initiatives*) untuk memastikan kedudukan kewangan terus kukuh dan paras hutang kekal rendah, di bawah paras 55% daripada KDNK. Pada tahun 2017, hutang Kerajaan Persekutuan mencatat 50.8% daripada KDNK. Selain itu, Kerajaan sentiasa memastikan bahawa bayaran pokok dan faedah dibuat secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan. Komitmen pembayaran faedah merupakan komitmen yang diberikan keutamaan sebelum mana-mana pembayaran lain di buat dan sehingga kini, Kerajaan **tidak pernah** gagal dalam membuat bayaran balik mengikut jadual yang ditetapkan.

3. Komitmen terhadap langkah konsolidasi fiskal turut mendapat pengiktirafan agensi-agensi penarafan antarabangsa di mana penarafan kredit berdaulat Negara dikekalkan pada gred pelaburan 'A'. Selain itu, langkah tersebut juga bertujuan untuk mengurangkan paras hutang Negara berbanding KDNK dan mewujudkan ruang fiskal bagi membolehkan Kerajaan melaksanakan langkah kitaran balas (*counter-*

41

cyclical measures) sekiranya negara menghadapi kejutan ekonomi. Hal ini adalah penting bagi memastikan ekonomi negara sentiasa berdaya tahan dan pertumbuhan ekonomi kekal mampan serta pada masa yang sama, dapat mencapai bajet hampir berimbang pada tahun 2020 seperti yang telah disasarkan.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Kerajaan sentiasa mengadakan sesi penerangan yang melibatkan orang ramai di pelbagai peringkat bagi menerangkan kedudukan semasa ekonomi dan kewangan negara serta menerbitkan Laporan Ekonomi suku tahunan, Laporan Ekonomi, Laporan Perdagangan Bulanan, Laporan Imbangan Pembayaran Suku Tahun dan Laporan Kadar Indeks Harga Pengguna yang boleh diakses melalui laman sesawang Kementerian Kewangan (MOF), Bank Negara Malaysia (BNM) serta Jabatan Statistik Malaysia (DOSM). Sidang akhbar juga sering diadakan bagi menyampaikan maklumat berkaitan perkembangan ekonomi dan kewangan negara bagi setiap suku tahunan. Selain itu, Kementerian Kewangan juga terus mengadakan sesi penerangan mengenai prestasi ekonomi negara dan inti pati Bajet tahunan melalui pelbagai media massa dari semasa ke semasa.

5. Oleh itu, Kerajaan menyarankan supaya semua lapisan masyarakat merujuk kepada sumber rasmi Kerajaan bagi mengetahui kedudukan sebenar kewangan dan ekonomi negara. Pihak pembangkang turut disarankan untuk mengamalkan politik matang dan tidak memutar belit fakta pencapaian kewangan dan ekonomi negara. Pihak pembangkang perlu lebih bertanggungjawab bagi memastikan rakyat tidak keliru dan mendapat maklumat yang tepat. Ini juga penting

bagi memastikan pihak luar terutamanya pelabur bukan sahaja mendapat maklumat yang tepat tetapi mempunyai persepsi yang positif mengenai kedudukan kewangan dan ekonomi negara.